

22 JUL 2004

DR M AKAN TERIMA IJAZAH DOKTOR KEHORMAT SAINS PENGETAHUAN

MELAKA, 22 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan ijazah doktor kehormat oleh Universiti Multimedia Malaysia (MMU) semasa majlis konvokesyen kelima universiti itu di sini pada, Ahad ini.

Dr Mahathir akan menerima ijazah doktor kehormat sains pengetahuan kerana peranannya sebagai pendorong di sebalik pembangunan negara semasa pemerintahannya.

MMU dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, berkata Dr Mahathir memainkan peranan signifikan dalam kelahiran, pelaksanaan dan pertumbuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan banyak lagi mercutanda terkemuka di Malaysia, dan juga pembangunan besar dalam Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT).

Dr Mahathir akan menerima anugerah itu daripada Canselor MMU Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh semasa sesi pertama konvokesyen.

Sementara itu, sejumlah 2,585 orang penuntut daripada tujuh fakulti akan menerima ijazah sarjana muda atau sarjana masing-masing di kampus Melaka dan Cyberjaya semasa majlis konvokesyen dua hari itu yang bermula pada Sabtu.

-- BERNAMA  
NO PR